

**SURAH PENCIPTA**

Surah: 35 Juzuk: 22 Bil. Ayat: 45

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. Segala puji bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat. Dia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakanNya apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Berkusa ke atas setiap sesuatu.
2. Tidak ada sesuatupun yang dapat menahan apa jua jenis rahmat (rezeki) yang dibukakan oleh Allah kepada manusia. Dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatupun yang dapat melepaskannya selepas itu. Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
3. Wahai umat manusia, ingatlah nikmat Allah yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Adakah pencipta lain selain daripada Allah yang memberi rezeki kepada kamu daripada langit dan bumi? Tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ قَاطِلُ أَسْمَوَاتٍ وَالْأَرْضُ جَاعِلٌ  
الْمُلَائِكَةَ رُسُلًا أُولَئِيْ أَجْيَانٍ حَتَّىٰ مَتَّثَىٰ وَثُلَّتَ  
وَرَبِيعٌ بَزِيدٌ فِي الْخَلَقِ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ①

مَآيَفَتْحَ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةِ فَلَامُسِكَ لَهَا  
وَمَا يُمْسِكُ فَلَامُرِسَ لَهُ وَمِنْ بَعْدِهِ وَهُوَ  
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ②

يَأَيُّهَا النَّاسُ اذْكُرُوا نَعْمَاتَ اللَّهِ عَلَيْهِمْ هَلْ مِنْ  
خَلِيقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَإِذَا تُنْفِكُونَ ③

4. Jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad), maka sesungguhnya para rasul yang terdahulu sebelummu juga telah didustakan. (Ingartlah), kepada Allah dikembalikan segala urusan.
5. Wahai umat manusia, sesungguhnya janji Allah adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kemewahan hidup di dunia. Dan janganlah syaitan yang menjadi sebesar-besarnya penipu itu menyebabkan kamu terpedaya dengan (kemurahan) Allah (lalu kamu lahal dan menderhaka).
6. Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia sebagai musuh. Sebenarnya dia hanya mengajak golongannya supaya menjadi penghuni neraka.
7. Orang yang kafir, bagi mereka azab yang dahsyat. Manakala orang yang beriman serta beramal soleh, mereka mendapat keampunan dan pahala yang besar.
8. Maka (fikirkanlah) adakah orang yang diperelokkan kepadanya amal buruknya (oleh syaitan) lalu dia melihatnya baik (sama dengan orang yang tidak tertipu dengan syaitan?) Sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكُمْ وَالْأَئِمَّةُ  
الَّذِي تَرْجِعُهُمُ الْأُمُورُ ﴿٥﴾

يَعْلَمُهَا النَّاسُ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرِّنَّهُمْ  
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرِّنَّهُم بِاللَّهِ الْغَرُورُ ﴿٥﴾

إِنَّ السَّيِّطَنَ لَكُوْنُ عَدُوٌ فَلَا يَخْدُوْهُ عَدُوٌ إِنَّمَا  
يَدْعُوا حِرْبَهُ وَلَكُوْنُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿٦﴾

الَّذِينَ كَفَرُوا أَهْمَمُ عَدَابٍ سَيِّدِ الْأَنْبِيَاءُ مَأْمُونٌ  
وَعَمِلُوا أَصْبِلَحَتْ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرٌ كَيْرٌ ﴿٧﴾

أَفَمَنْ زُنَّ لَهُ سُوْءُ عَمَلِهِ فَرَأَاهُ حَسَنًا فَإِنَّ اللَّهَ  
يُضْلِلُ مِنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ فَلَا تَنْدَهْبَ  
نَفْسَكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَتْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا  
يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

dikehendakiNya dan Dia juga memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Maka janganlah engkau membinasakan dirimu (wahai Muhammad) kerana menanggung kesedihan terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan.

9. Allahlah yang mengutuskan angin, lalu angin itu mengerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang tandus, lalu Kami hidupkan bumi selepas matinya dengan (hujan daripada awan) itu. Begitulah kebangkitan manusia.
10. Sesiapa yang mahukan kemuliaan, maka ketahuilah kemuliaan itu semuanya adalah milik Allah. Semua perkataan yang baik<sup>(1)</sup> akan naik kepada Allah dan Dialah yang mengangkat amal yang soleh. Orang yang merancang kejahatan, bagi mereka azab yang dahsyat dan rancangan jahat mereka akan binasa.
11. Allah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (setitis) air benih, kemudian Dia menjadikan kamu berpasangan. Tiada seorang perempuan pun yang mengandung dan melahirkan

وَاللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ الرَّحْمَنَ فَتُشْرِكُونَ بَعْدَ مَا فُتُحْتُمْ  
إِلَى بَلَكَ مَيْتَ فَأَحْيِنَا لِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا  
كَذَلِكَ النُّشُورُ ﴿١﴾

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَرْزَةَ فَلَلَّهِ الْعَرْزُ جَمِيعًا إِلَيْهِ يَصْدُعُ  
الْكَلْمَ الظَّلِيلُ وَالْعَمَلُ أَصْطَلُهُ بِرَفَعَهُ  
وَالَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ أَسْتَقْبَاتُ لَهُمْ عَذَابٌ  
شَرِيدٌ وَمَكْرُ أَوْلَاتِكُ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

وَاللَّهُ حَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ  
جَعَلَكُمْ أَرْجَانًا وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُثْنَيْ وَلَا تَضَعُ  
إِلَّا يُعْلِمُهُ وَمَا يُعْمَرُ مِنْ قُمَرٍ وَلَا يُنْقَصُ مِنْ  
عُمُرٍ إِلَّا فِي كِتْبٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

1 Sebahagian ahli tafsir mengatakan bahawa perkataan yang baik itu ialah kalimah La ilaha illallah. Ada pula yang mengatakan al-Quran dan ada pula yang mengatakan zikir kepada Allah. Sebahagian yang lain pula mengatakan semua perkataan yang baik yang diucapkan kerana Allah.

melainkan dengan pengetahuan Allah. Dan tidak diberikan seseorang umur yang panjang, juga tidak dijadikan seseorang pendek umurnya, melainkan semuanya tercatat di dalam kitab<sup>(1)</sup>. Sesungguhnya semua itu mudah sahaja bagi Allah.

- 12.** Tidaklah sama keadaan dua laut, yang mana satu daripadanya tawar dan menghilangkan dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin dan payau. Daripada (kedua-dua lautan itu) kamu dapat makan daging yang segar dan dapat mengeluarkan perhiasan untuk dipakai. Engkau melihat pula kapal-kapal belayar membelah lautan agar kamu dapat mencari rezeki daripada kurniaaan Allah dan semoga kamu bersyukur.

- 13.** Allahlah yang memasukkan malam kepada siang dan memasukkan siang kepada malam (secara silih berganti). Dia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan. Setiap satu daripada keduanya beredar pada jangkamasa yang telah ditetapkan. Allah Tuhan kamulah yang melakukan semua itu, Dia memiliki kuasa pemerintahan dan orang menyembah selain daripada Allah tidak mempunyai sesuatu walaupun senipis selaput biji kurma.

وَمَا يَسْتَوِي الْبَحْرَانِ هَذَا عَذْبٌ فُرْزٌ  
سَالِعٌ شَرَابٌ وَهَذَا مِلْحٌ أَجَاجٌ وَمِنْ كُلِّ  
تَأْكُلُونَ لَحْمَ اطْرِيَّا وَتَسْتَحْرِجُونَ  
حَلْيَةً تَبَسُّونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ فِيهِ مَوَارِخَ  
لَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ  
شَكُورُونَ ﴿٢٩﴾

يُولُجُ الْيَلَى فِي النَّهَارِ وَيُولُجُ النَّهَارَ فِي  
الْأَيَّلِ وَسَحْرَ السَّمَسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ  
يَجْرِي لِأَجْلِ مُسَمَّى ذَلِيلُ اللَّهُ  
رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ وَأُلَّذِينَ نَدْعُونَ مِنْ  
دُونِهِ مَا يَتَمَلَّكُونَ مِنْ قَطْمَيرِ ﴿٣٠﴾

- 14.** Jika kamu memohon kepada mereka (yang kamu sembah itu), mereka tidak akan mendengar permohonan kamu. Kalau mereka mendengar pun, mereka tidak dapat memberikan apa yang kamu doakan itu dan pada hari kiamat pula mereka akan mengingkari perbuatan syirik kamu.  
(Ingratlah) tidak ada yang dapat memberitahu kepadamu (wahai Muhammad) seppertimana yang diberitahu oleh Allah yang Maha Mendalam PengetahuanNya.
- 15.** Wahai manusia, kamulah yang sentiasa memerlukan Allah, sedangkan Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.
- 16.** Jika Dia kehendaki, pasti Dia membinasakan kamu dan mendatangkan makhluk yang baru.
- 17.** Yang demikian itu tidak sukar bagi Allah.
- 18.** Seseorang yang berdosa tidak akan menanggung dosa orang lain. Jika seseorang yang berat tanggungannya (dengan dosa) memanggil (orang lain) untuk tolong menanggung sama beban itu, tidak akan dapat ditanggung daripadanya sedikitpun, walaupun orang yang diminta pertolongannya itu daripada sanak saudaranya sendiri. Sesungguhnya engkau

إِن تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُونَ دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا  
مَا أَسْتَجَابُ لَهُمْ وَيَوْمَ الْقِيَمَةَ يَكُونُونَ  
شَرِكَكُمْ وَلَا يُنَتَّكُمْ مِثْلُ خَيْرٍ  
﴿١﴾

\* يَأَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْمُفْرَأَءُ إِلَى اللَّهِ  
وَاللَّهُ هُوَ الْعَنِيْ أَحْمَدُ  
﴿١﴾

إِن يَشَاءُ يُدْهِبُكُمْ وَيَأْتِيْنَّ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ  
﴿٦﴾

وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَعْزِيزٌ  
﴿٧﴾

وَلَا تَنْزِرُ وَلَا زَرَّ وَلَا أُخْرَىٰ فَلَمْ تَدْعُ مُشْكَرَةً  
إِلَى حِلْمَهَا لَا يُحْكَلُ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا  
قُرْبَىٰ إِنَّمَا تُنْذِرُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ  
بِالْغَيْبِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَمَنْ تَرَكَ فَإِنَّمَا  
يَتَرَكَ لِنَفْسِهِ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ  
﴿٨﴾

(wahai Muhammad) hanyalah memberi peringatan kepada orang yang takutkan Allah ketika mereka tidak dilihat orang dan ketika mereka tidak melihat azab Tuhan, serta mereka mendirikan solat. Sesiapa yang menyucikan dirinya, maka sesungguhnya dia melakukan penyucian itu untuk kebaikan dirinya sendiri dan (ingatlah), kepada Allah jualah tempat kembali.

19. Maka tidaklah sama orang buta dengan orang yang melihat.
20. Dan tidaklah sama kegelapan dengan cahaya.
21. Serta tidaklah sama suasana yang teduh dengan yang panas membahang.
22. Juga tidaklah sama orang yang hidup dengan orang yang mati. Sesungguhnya Allah dapat menjadikan sesiapa yang dikehendakinya mendengar dan (engkau wahai Muhammad) tidak dapat menjadikan orang yang di dalam kubur mendengar.
23. Engkau tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi peringatan.
24. Sesungguhnya Kami mengutuskanmu dengan kebenaran, sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan. Tiada sesuatu umat pun melainkan di kalangannya dahulu telah ada seorang Rasul pemberi ingatan.

وَمَا يَشْتَهِي الْأَعْمَى وَالْبَصِيرُ ﴿١٩﴾

وَلَا أَفْلَمْتُنِي وَلَا أَنْثُرُ ﴿٢٠﴾

وَلَا أَقْلَلُ وَلَا أَخْرُو رُّوْزٌ ﴿٢١﴾

وَمَا يَشْتَهِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَالُ إِنَّ اللَّهَ يُسْمِعُ مَنْ يَشَاءُ وَمَا أَنْتَ بِمُسْمِعٍ مَّنْ فِي الْأَفْوَى ﴿٢٢﴾

إِنَّ أَنْتَ إِلَّا إِنْذِيرٌ ﴿٢٣﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَإِنَّ مَنْ أَمَّهَ إِلَّا لَاخَلَّ فِيهَا إِنْذِيرٌ ﴿٢٤﴾

- 25.** Jika mereka mendustakanmu, maka sesungguhnya orang yang terdahulu sebelum mereka juga telah mendustakan. Mereka telah didatangi para rasul dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan kitab-kitab yang jelas.
- 26.** Kemudian Aku binasakan orang kafir itu dengan azab yang dahsyat, maka perhatikanlah betapa buruknya kesan kemurkaanku.
- 27.** Tidakkah engkau melihat bahwa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupa. Dan di antara gunung-ganang terdapat jalur-jalur putih dan merah yang berlainan warnanya dan ada juga yang hitam legam.
- 28.** Begitu juga di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternakan, ada yang berlainan jenis dan warnanya. Sebenarnya orang yang takutkan Allah daripada kalangan hamba-hambanya hanyalah orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.
- 29.** Sesungguhnya orang yang selalu membaca kitab<sup>(1)</sup> Allah dan tetap mendirikan solat serta

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ  
جَاءَهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالْأَنْوَارِ  
وَبِالْكِتَابِ الْمُنِيرِ

ثُمَّ أَخْذَتُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَكَيْفَ كَانَ  
نَكِيرٌ

الْهُرَانَ اللَّهُ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَا شَاءَ  
فَلَخَّصَتِ الْأَيَهُ شَمَرَتْ مُخْتَلِفًا لَّوْلَاهَا  
وَمِنَ الْجِبَالِ جُدُدُ بَيْضٌ وَحُمُرٌ مُخْتَلِفُ  
أَلَوْلَاهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ

وَمِنَ النَّاسِ وَالْوَآبَ وَالْأَغْنَمُ مُخْتَلِفُ  
أَلَوْلَاهُ وَكَذَّلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ  
الْعَلَمَمُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

إِنَّ الَّذِينَ يَتَلَوُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَاقْمُوا الصَّلَاةَ  
وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سَرَّا وَعَلَّمْنَاهُمْ يَرْجُونَ

تَبَحْرَةَ لَنْ تَبُورَ ﴿٦﴾

mendermakan daripada apa yang Kami rezekikan kepada mereka secara bersembunyi atau secara terang-terangan, mereka mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.

30. Agar Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan mereka dengan kurniaanNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri.
31. Al-Quran yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) ialah yang benar dan membuktikan kebenaran kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang hamba-hambaNya lagi Maha Melihat dan Memerhatikan.
32. Kemudian Kami wariskan al-Quran itu kepada orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami. Di antara mereka ada yang menzalimi dirinya sendiri dan ada yang pertengahan, serta ada pula yang mendahului dalam melakukan kebaikan dengan izin Allah<sup>(1)</sup>. Itu adalah kurniaan yang besar

لَوْفِيهِمْ أَجُورُهُمْ وَيَزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلِهِ  
إِنَّهُ دُغْفُورٌ شَكُورٌ ﴿٧﴾

وَالَّذِي أَنْجَنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ لَحْيٌ  
مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ  
لَخَيْرٌ بَصِيرٌ ﴿٨﴾

لَهُ أَوْرَنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ  
عِبَادِنَا فِيمَنْ هُمْ ضَالُّو لِتَنْفِيَسِهِ وَمِنْهُمْ  
مُفْتَحِصُدُو وَمِنْهُمْ سَابِقُ بِالْحَيْرَاتِ يَأْذَنُ  
اللَّهُ ذَلِكُ هُوَ الْأَعْظَمُ الْكَبِيرُ ﴿٩﴾

1 Orang yang menzalimi dirinya sendiri ialah orang yang lebih banyak melakukan kesalahan daripada kebaikan, manakala “pertengahan” ialah orang yang kebaikannya sama banyak dengan kesalahan, dan “orang yang mendahului” ialah orang yang kebaikannya amat banyak dan amat jarang melakukan kesalahan.

daripada Allah.

- 33.** (Mereka akan mendapat) syurga-syurga «Adn», mereka akan memasukinya dan mereka akan dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan daripada emas dan mutiara, pakaian mereka di situ pula adalah daripada sutera.
  - 34.** Mereka berkata: «Segala puji bagi Allah yang telah menghapuskan kesedihan kami. Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri».
  - 35.** «Tuhan yang telah menempatkan kami di tempat tinggal yang kekal dengan kurniaaNya. Kami tidak akan merasa penat dan letih di situ».
  - 36.** Orang yang kafir, bagi mereka neraka Jahannam. Mereka tidak akan dibinasakan sehingga mereka mati dan azab neraka itu tidak akan diringankan daripada mereka. Demikianlah Kami membala setiap orang yang kufur.
  - 37.** Mereka menjerit-jerit di dalam neraka itu (sambil merayu): «Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami, kami akan melakukan amalan soleh yang lain daripada apa yang kami pernah lakukan dahulu». (lalu Allah menempelak mereka): «Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu

جَنَّتْ عَدِينَ يَدْخُلُونَهَا يَكْلُوْنَ فِيهَا مِنْ  
أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا  
حَرَيْرٌ

٢٣ حَرِيرٌ

وَقَالُوا لِلَّهِ مُحَمَّدٌ أَذْهَبَ عَنَ الْخَرْنَ  
إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ

الَّذِي أَحْلَنَا دَارَ الْمُقَامَةِ مِنْ فَضْلِهِ لَا  
يَمْسِنَافِهَا نَصَبٌ وَلَا يَمْسِنَافِهَا غُوبٌ

وَالَّذِينَ كَفَرُوا هُمْ نَارٌ جَهَنَّمُ لَا يُفْضِي  
عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُحْكَفُ عَنْهُمْ مِنْ  
عَذَابِهَا كَذَلِكَ بَخْزِي كُلَّ كُفُورٍ

وَهُمْ يَصْطَرِخُونَ فِيهَا رَبَّنَا أَحْرَجَنَا  
نَقْمَلْ صَلَاحًا عَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ  
أَوْلَئِكُمْ نَعْمِرُ كُمْ مَا يَتَدَكَّرُ فِيهِ مَنْ تَدَكَّرَ  
وَجَاءَكُمُ الْأَنْتِرِيُّونَ فَدُوْقُوا مَالِ الظَّالِمِينَ

من نصیر

dan memberikan masa yang cukup untuk kamu berfikir dan mengambil peringatan bagi sesiapa yang mahu? Kamu juga telah didatangi oleh rasul yang memberi peringatan, maka rasakanlah (azab) dan tidak ada sesiapapun yang dapat memberikan pertolongan kepada orang yang zalim».

- 38.** Sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi. Dan sesungguhnya Dia mengetahui segala yang terkandung di dalam dada.
- 39.** Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi, maka sesiapa yang kufur maka balasan kufurnya itu akan menimpa dirinya sendiri. Kekufuran mereka itu tidak lain kecuali akan menambahkan kemurkaan dan kehinaan mereka di sisi Tuhan. Kekufuran orang yang kafir itu juga tidak menambahkan mereka melainkan kerugian.
- 40.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Adakah kamu memerhatikan sekutu-sekutu yang kamu seru dan sembah selain Allah? Tunjukkanlah kepadaku apa yang mereka telah ciptakan daripada bahagian bumi ini? Atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam mencipta dan menguruskan

إِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ عِلْمٌ غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ  
إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الْأَصْدُورِ ﴿٣٨﴾

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيلِينَ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ كَفَرَ  
فَعَيْنَاهُ كُفُورًا وَلَا يَزِيدُ الْكُفَّارُونَ كُفُورًا عَنْهُ  
رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتَلًا وَلَا يَزِيدُ الْكُفَّارُونَ كُفُورًا  
إِلَّا حَسَارًا ﴿٣٩﴾

قُلْ أَرَأَيْتُ شُرَكَاءَ كُلِّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ  
اللَّهِ أَرَأَيْتَ نِمَاءَ خَلَقُوكُمْ مِنَ الْأَرْضِ أَمْ مِنْ شَرَقِيْفِ  
السَّمَوَاتِ أَمْ مِنْ آئِنَّهُ بِكَثَابَ فَهُمْ عَلَىٰ بَيِّنَاتِ  
مِنْهُ بَلْ إِنْ يَعْدُ الظَّالِمُوْرَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا  
إِلَّا عَرُوْدًا ﴿٤٠﴾

langit? Atau pernahkah Kami memberikan kepada mereka sebuah kitab (mengakui mereka menjadi rakan kongsi Kami), maka (dengan itu jadilah) perkongsian mereka berdasarkan bukti-bukti nyata yang terdapat daripada kitab itu? « Sebenarnya orang yang zalim itu hanya menjanjikan perkara yang tidak benar sesama mereka.

41. Sesungguhnya Allah memelihara langit dan bumi supaya tidak lenyap. Jika keduanya lenyap maka tidak ada sesiapapun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain daripada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Penyantun lagi Maha Pengampun.
42. Mereka bersumpah dengan nama Allah dengan sebenar-benar sumpahan, jika sekiranya datang kepada mereka seorang rasul pemberi peringatan, mereka pasti akan menjadi orang yang paling mendapat hidayah berbanding umat-umat yang lain. Maka setelah datang kepada mereka seorang rasul pemberi peringatan, kedatangannya itu hanya menyebabkan mereka bertambah jauh daripada kebenaran.
43. Sambil bersikap sombang di muka bumi dan merancang rancangan-rancangan jahat (terhadap rasul itu), sedangkan rancangan jahat itu tidak

\* إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ أَسْمَوَاتٍ وَالْأَرْضَ أَنْ تَرُولَ وَلَيْنَ رَأَتَا إِنَّ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ حَلِيمًا عَفُورًا ﴿٤١﴾

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهَدَ أَمْتَهِنَ لِيَنْ جَاءَهُمْ نَذِيرٌ لَيَكُونُنَّ أَهْدَى مِنْ إِحْدَى الْأَمْمَاتِ فَلَمَّا جَاءَهُمْ نَذِيرٌ مَازَدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا

أَسْتَجْبَارًا فِي الْأَرْضِ وَمَكْرُ أَسْتَيْ وَلَا يَحِيقُ الْمَكْرُ بِالْأَسْتَيِ إِلَّا يَأْهَلُهُ فَهُلْ يَظْرُونَ إِلَّا

menimpa melainkan orang yang menjalankannya. Tidak ada yang mereka tunggu selain daripada sunnah orang yang terdahulu<sup>(1)</sup>. Maka engkau tidak sama sekali akan mendapatkan sebarang pertukaran pada sunnah Allah itu, dan engkau tidak sama sekali akan mendapatkan sebarang perubahan pada sunnah Allah itu.

- 44.** Tidakkah mereka telah berjalan di muka bumi dan menyaksikan bagaimana kesudahan orang kafir yang terdahulu daripada mereka, sedangkan orang itu lebih kuat daripada mereka? Kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan oleh sesuatupun sama ada di langit atau di bumi, sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuaasa.
- 45.** Kalauolah Allah terus menyeksa manusia disebabkan amalan jahat yang mereka telah lakukan, pastilah tidak tinggal di muka bumi ini walau satu makhluk yang bergerak pun. Tetapi Dia memberi tangguh kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu, kemudian apabila sampai tempoh mereka (maka Allah akan membala dengan adil), sesungguhnya Allah sentiasa Melihat hamba-hambaNya.

سُتَّ الْأَوْقَلِينَ فَلَمْ يَنْدِلُسْتَ إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَلْأَوُكَنْ  
يَنْحَدِرُسْتَ إِنَّ اللَّهَ تَحْوِيلًا

أَوَلَيْسُ دُولْفِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُ وَأَيْكَفْ كَانَ  
عَفِيقَةُ الْلَّيْلَيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَكَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ  
قُوَّةً وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعْجِزُهُ مِنْ شَيْءٍ فِي السَّمَوَاتِ  
وَلَا فِي الْأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ عَلِيمًا فَيَرِي

وَلَوْيُؤَاخِذُ اللَّهُ النَّاسَ بِمَا كَسَبُوا مَا  
تَرَكُ عَلَىٰ ظَهِيرَاهَا مِنْ دَآبَّةٍ وَلَكِنْ  
يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰ أَجَلٍ مُسَمُّىٍ فَإِذَا جَاءَهُمْ  
أَجَاهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِ  
بَصِيرًا

1 iaitu ketetapan Allah mengenai turunnya azab kepada orang yang mendustakan para rasul.